

PENGARUH DIALEK KELANTAN DALAM BAHASA TEMIAR: SATU ANALISIS FONOLOGI STRUKTURAL

THE INFLUENCE OF KELANTANESE DIALECT IN TEMIAR LANGUAGE: AN ANALYSIS OF PHONOLOGICAL STRUCTURE

Riduan Makhtar¹
Nurliyana SM Soflee²
Mohd Sharifudin Yusop³
Abd Ganing Laengkang⁴

¹Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
riduan@kuis.edu.my

²Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. nurliyanasm@gmail.com

³Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
mosy@upm.edu.my

⁴Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
abdulganing@kuis.edu.my

Accepted Date: 29 January 2018

Published Date: 15 April 2018

To Cite This Document: Makhtar, R., Soflee, N. S., Yusop, M. S., & Laengkang, A. G. (2018). Pengaruh Dialek Kelantan Dalam Bahasa Temiar: Satu Analisis Fonologi Struktural. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(11), 42-54.

Abstrak: Bahasa orang Asli Temiar adalah bahasa yang dituturkan oleh suku kaum atau bangsa orang asli yang terdapat di Malaysia. Penuturnya merupakan penduduk peribumi yang mendiami Persekutuan Malaysia dan memiliki jumlah yang minorit. Kelompok suku kaum Senoi terdiri daripada enam bangsa iaitu Temiar, Semai, Semoq Beri, Jahut, Mah Meri, dan Che Wong. Makalah ini ini membicarakan penelitian terhadap pengaruh dialek Kelantan di dalam Bahasa Temiar sahaja. Fokus utama kajian ini adalah mengkaji penggunaan dialek Kelantan yang wujud di dalam bahasa Termiar. Pendekatan struktural telah dimanfaatkan dalam menghuraikan hasil data. Kaedah kajian lapangan huluan telah digunakan dalam memperoleh data primer di kawasan kajian iaitu Perkampungan Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan. Informan kajian terdiri daripada penduduk kampung Kampung Merlong, Kuala Betis Gua Musang Kelantan (di kawasan Hulu Sungai Kelantan. Data dikumpulkan menerusi teknik temu bual dan rakaman yang seterusnya ditranskripsikan dengan menggunakan International Phonetic Alphabet (IPA). Hasil analisis yang telah dilakukan, menunjukkan bahawa dialek Kelantan telah mengalami penyerapan dalam bahasa Temiar yang merangkumi perkara teknologi, binatang, tumbuhan, pakaian dan lain-lain.

Katakunci: Orang Asli, Temiar, Suku kaum, Dialek Kelantan, Pendekatan Struktural

Abstract: *The native language of Temiar is a language spoken by tribes or native peoples found in Malaysia. Its speakers are native inhabitants of the Federation of Malaysia and have a minority. Senoi tribe groups consist of six ethnic groups: Temiar, Semai, Semoq Beri, Jahut, Mah Meri, and Che Wong. This paper discusses the study of the effect of Kelantan dialect in Temiar language only. The main focus of this study is to examine the use of the Kelantan dialect that existed in the language of Termiar. Structural approaches have been utilized in describing data outcomes. The upstream field study method was used in obtaining primary data in the study area, Orang Asli Village, Temiar Gua Musang, Kelantan. The informants of the study consisted of villagers of Kampung Merlong, Kuala Betis Kelantan Gua Musang (in the Hulu Sungai Kelantan area). Data were collected through interview and recording techniques which were subsequently transcribed using the International Phonetic Alphabet (IPA). Kelantan dialect has been absorbed in the Temiar language covering technological, animals, plants, clothing and other things.*

Keywords: *Native People of Temiar, Ethnicity, Influence, Kelantan dialect, Structural approach.*

Pengenalan

Orang Asli telah mendiami kawasan pedalaman di semenanjung Malaysia sejak 100 ribu tahun dahulu yang bernenek moyang dari keturunan dalam kelompok Austroasiatik. Masyarakat peribumi ini telah menjadi penduduk asal Persekutuan Malaysia sebelum kedatangan bangsa Melayu, Cina, India, dan orang Siam (dari Selatan Thailand). Menurut Nik Safiah Karim (2010), asal usul kependudukan manusia awal di semenanjung Malaysia adalah berasal tanah besar Yunan, China yang turun ke Semenanjung Malaysia 1500 tahun dahulu dalam bentuk dua gelombang pergerakan manusia.

Orang asli merupakan orang peribumi pertama di Malaysia yang terdiri daripada tiga kelompok besar iaitu kelompok Negrito, Senoi, dan Melayu Proto. Kelompok Negrito memiliki enam jenis orang asli iaitu orang asli Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq, dan Bateq. Kelompok Senoi pula masing-masing mempunyai enam kelompok iaitu Temiar, Semai, Semoq Beri, Jahut, Mah Meri, dan Che Wong. Manakala kelompok Melayu Proto pula memiliki enam jenis iaitu Kuala, Kanaq, Seletar, Jakun, Semelai, dan Temuan¹. Jadual 1 di bawah menunjukkan statistik kampung dan penduduk orang Asli di Malaysia sehingga tahun 2014 yang telah dikemaskini oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Negeri	Bilangan Kampung	Penduduk		
		Lelaki	Perempuan	Jumlah
Pahang	262	35,323	32,183	67,506
Perak	255	27,716	25,583	53,299
Selangor	74	9,254	8,333	17,587
Kelantan	118	7,140	6,317	13,457
Johor	58	6,702	6,437	13,139
Negeri Sembilan	68	5,461	5,070	10,531
Melaka	14	778	737	1,515
Terengganu	3	474	419	893
Kedah	1	155	115	270
Jumlah	853	93,003	85,194	17,8197

Jadual 1: Bilangan Kampung dan Penduduk Orang Asli Mengikut Negeri
(Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2014)

¹Keterangan lanjut, sila rujuk <http://www.jakoa.gov.my/orangasli-asli>, diakses pada 16 November 2107.

Negeri-negeri di semenanjung yang mempunyai ramai orang asli adalah antaranya seperti Pahang, Perak, dan Kelantan. Di Kelantan khususnya, orang Asli Temiar dan Mendriq mendiami kawasan hulu negeri Kelantan iaitu kawasan Gua Musang. Orang Asli Temiar merupakan subkelompok dari kumpulan besar Senoi. Kelompok ini berada di beberapa kawasan antaranya Hulu Perak dan Kelantan. Kawasan kajian yang di pilih terletak di Hulu Negeri Kelantan iaitu Sungai Betis yang bersebelahan dengan Sungai Lebir. Kedua-dua aliran sungai ini bertemu di satu muara yang bercantum menjadi Sungai Nenggiri. Aliran Sungai Nenggiri akan membawa kepada pertembungan dengan Sungai Kelantan yang berlaku di Kuala Krai dan seterusnya mengalir keluar melalui Sungai Kelantan dan tersebar ke Laut China Selatan pada bahagian muara Sungai Kelantan.

Bahasa Temiar digunakan oleh orang asli yang dikenali sebagai orang asli Temiar. Apabila ditinjau daripada aspek kehidupan orang Asli Temiar, masyarakat ini mengamalkan kepercayaan animisme, namun terdapat juga dalam golongan mereka yang menganut ajaran Islam dan Kristian. Dalam soal kepercayaan animisme, mereka percaya kepada semangat dan perlu dipuja supaya tidak mendatangkan kemudaratan kepada mereka. Hal ini masih dipegang teguh oleh sebahagian daripada mereka walaupun mereka telahpun memeluk agama Islam dan ajaran Kristian. Namun begitu, ajaran yang dianut oleh mereka sedikit sebanyak telah mengalami perubahan akibat daripada perkembangan ilmu pengetahuan dan persekitaran masyarakat.

Latar Belakang Gua Musang

Negeri Kelantan merupakan salah satu daripada negeri di dalam Persekutuan Malaysia yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu antara garis lintang 4 darjah 32 minit dan 6 darjah 15 minit di utara dengan garis bujurnya ialah 101 darjah 19 minit dan 102 darjah 37 minit pada bahagian timurnya. Kedudukannya bersempadan dengan negeri Pahang pada sebelah selatan, di sebelah timur dengan negeri Terengganu, di sebelah barat dengan negeri Perak dan Selatan Thai. Keluasan negeri Kelantan ialah 14, 922 kilometer persegi atau 1,492,200 hektar yang meliputi 11 jajahan dan 65 buah daerah. Antara jajahan-jajahan yang terdapat di negeri Kelantan iaitu Kota Bharu, Pasir Puteh, Pasir Mas, Bachok, Machang, Tuimpat, Tanah Merah, Kuala Krai, Jeli, dan Gua Musang.

Jajahan yang paling besar dalam negeri Kelantan ialah Gua Musang yang memiliki keluasan 8,104 kilometer persegi manakala jajahan yang paling kecil iaitu Tumpat, iaitu seluas 169 kilometer persegi sahaja. Jajahan Tumpat terletak berhampiran negara Thailand yang dipisahkan oleh Sungai Golok. Di bawah setiap jajahan, terdapat unit bahagian pentadbiran yang lebih kecil yang dikenali sebagai daerah. Setiap daerah ditadbir oleh seorang ketua yang dikenali sebagai penggawa. Data asas negeri Kelantan menunjukkan, jumlah terkini penduduk negeri Kelantan ialah 18, 104, 000 orang penduduk yang terdiri daripada beberapa bangsa antaranya Melayu, Cina, India, Siam, dan juga orang asli yang menempati di kawasan hulu negeri Kelantan iaitu daerah Gua Musang.

Sorotan Kosa Ilmu & Pernyataan Masalah

Kajian terhadap orang asli masih lagi kurang dilakukan oleh pengkaji luar mahupun pengkaji tempatan sendiri. Terdapat beberapa pengkaji tempatan yang telah melakukan kajian terhadap orang Asli antaranya seperti Mohd Sharifudin Yusop (2018) yang telah melakukan penelitian ke atas bahasa orang Asli Jahut. Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2015) juga ada melakukan kajian terhadap bahasa orang Asli Mendriq di Gua Musang Kelantan. Faktor keterbatasan dan kelompangan kajian lepas terhadap kajian bahasa orang Asli telah memberi ruang kepada pengkaji untuk melakukan penelitian terhadap bahasa orang Asli Temiar di Kuala Betis,

Kelantan. Masih terdapat ruang kajian yang boleh dilakukan oleh pengkaji dalam melengkapkan kajian-kajian terdahulu terhadap orang Asli Temiar terutamanya dari aspek bahasa khususnya pengaruh atau asimilasi bahasa iaitu penyerapan dialek Kelantan ke dalam bahasa Temiar.

Menurut David Crystal (2002), setiap dua minggu terdapat bahasa yang telah mengalami kepupusan. Natijah daripada ini, bahasa orang asli terutama bahasa orang Asli Temiar amatlah perlu dikaji bagi menjadikan bahasa ini kekal dalam pendokumentasian walaupun penuturnya telah mengalami kepupusan.

Masyarakat Temiar telah hidup bermasyarakat dengan orang Melayu Kelantan sejak sekian lama lagi. Kehidupan sosial mereka yang bercampur dengan masyarakat Kelantan sedikit sebanyak telah menyebabkan berlakunya asimilasi terhadap bahasa, sosial, agama, budaya dan sebagainya. Hasil daripada percampuran dan pergaulan dengan masyarakat Melayu Kelantan lantas akan mencetuskan proses peminjaman dalam semua aspek kehidupan. Oleh itu, adakah wujud proses peminjaman dialek Kelantan ke dalam bahasa Temiar? Seterusnya, apakah perkataan dan jenis perkataan yang dipinjam daripada dialek Kelantan ke dalam bahasa Temiar serta kenapakan keadaan tersebut berlaku?

Objekti dan Pendekatan Kajian

Bertitik tolak daripada permasalahan dan persoalan kajian lantas mencetuskan objektif sesebuah kajian. Antara objektif kajian yang boleh diteliti oleh penulis adalah meneliti dan menghuraikan kewujudan dialek Kelantan di dalam bahasa Temiar, Kuala Betis. Kajian ini akan memanfaatkan sepenuhnya pendekatan struktural dalam mendapatkan hasil dapatan yang jitu terhadap bahasa Temiar.

Kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji menggunakan pendekatan struktural. Pendekatan ini diperkenalkan oleh Leonard Bloomfield dalam bukunya *language* pada tahun 1933. Hipotesis yang diletakkan di dalam pendekatan ini adalah pertama, kaedah yang digunakan bersifat empiris (induktif). Berdasarkan kaedah ini, sejumlah korpus bahasa yang diperolehi digeneralisasikan secara sistematik. Kedua, bahasa adalah ujaran dan kemudian menjadi tulisan. Ketiga, bahasa merupakan produk yang terdiri daripada unsur bunyi dan makna. Keempat, klasifikasi bunyi berdasarkan distribusinya. Pendekatan yang digunakan ini adalah wajar kerana bertepatan dengan tujuan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji.

Menurut Abdullah Hassan (1980), analisis deskriptif terbit daripada kaedah tradisi yang menghuraikan struktur bahasa, termasuklah bunyinya. Bunyi-bunyi bahasa yang dihasilkan akan dipecahkan mengikut keadaan dan diberi lambang yang sesuai dengannya. Bunyi-bunyi tersebut akan dikelaskan kepada jenis berdasarkan ciri fonetik yang wujud. Kaedah ini memerlukan penjelasan dan huraian data tentang ciri bahasa yang wujud.

Fokus kajian struktural adalah penghuraian struktur dalam sesebuah bahasa. Menurut Asmah Omar (1983), asas pengkajian dalam struktural ialah setiap bahasa terdiri daripada satu bentuk yang berbeza dan tugas utama ahli-ahli bahasa ialah untuk mengkaji unsur bahasa bukan sebagai unsur berasingan tetapi sebagai bahagian daripada satu keseluruhan sistem. Manakala, menurut Abdullah Hassan (1989) linguistik struktural merupakan kajian linguistik yang menghuraikan bahasa menggunakan pendekatan pada bahasa itu sendiri berdasarkan ciri formal yang ada dalam sesebuah bahasa, sedangkan linguistik tradisionl mengkaji tataran filsafat dan semantik.

Menurut William J. Samarin (1993), transkripsi fonetik adalah penting kerana ia dapat menentukan sama ada sesuatu kajian itu berjaya atau tidak. Dalam kajian ini, transkripsi fonetik digunakan untuk menunjukkan secara tepat bunyi atau ciri-ciri bunyi yang terdapat dalam ujaran yang dianalisis. Transkripsi yang dilakukan menggunakan lambang antarabangsa atau *International Phonetics Alphabet* (IPA). Menurut Samarin juga, pada awal kerja transkripsi penyelidik perlu membuat satu senarai unsur fonetik yang telah direkod. Pemaparan data dilakukan dengan menggunakan jadual atau rajah, atau apa-apa yang dapat menyusun data secara instruktif.

Selain itu, kaedah pemaparan data atau penyajian hasil analisis melibatkan penggunaan istilah-istilah teknikal seperti fonologi, rekonstruksi, pengelompokan, inovasi, retensi, fonem, fonetik, fonemik, refleks, dan sebagainya. Dalam pemaparan data juga, penyelidik akan menggunakan simbol atau lambang tertentu seperti;

- i. Asterik (*), melambangkan bentuk purba;
- ii. Kurung miring (/ /), mengapitkan unsur fonologi;
- iii. Simbol (/) melambangkan di persekitaran;
- iv. Kurung siku ([]), mengapit unsur bunyi;
- v. Simbol (#), melambangkan dalam lingkungan tertentu;
- vi. Simbol (>), melambangkan berubah menjadi;
- vii. Simbol (<), melambangkan berkembang dari;
- viii. Simbol (ø), melambangkan segmen yang digugurkan.

Dalam kajian ini, data dipecahkan kepada dua iaitu bunyi dan kata. Setiap kata ditranskripsikan ke dalam bentuk fonetik. Menurut Samarin (1993: 220), transkripsi fonetik adalah penting kerana ia dapat menentukan sama ada sesuatu kajian itu berjaya atau tidak. Dalam kajian linguistik, transkripsi fonetik digunakan untuk menunjukkan secara tepat bunyi atau ciri-ciri bunyi yang terdapat dalam ujaran yang telah dianalisis. Transkripsi fonetik dilakukan menggunakan lambang fonetik antarabangsa (*International Phonetic Alphabet* (IPA)). Setiap bunyi yang wujud dalam kawasan kajian ini dipaparkan dalam bentuk rajah. Seterusnya, penyebaran bunyi konsonan, vokal, dan diftong dalam kata sama ada pada awal, tengah, atau pada akhir kata dipaparkan mengikut kawasan.

Metodologi Kajian

Kaedah kajian meliputi kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan merujuk kepada usaha pengkaji meneroka, memperoleh dan memanfaatkan maklumat-maklumat penting yang relevan dengan kajian pengkaji daripada sumber-sumber tertentu misalnya perpustakaan arkib dan muzium. Kajian kepustakaan memainkan peranan yang sangat penting dalam sesebuah kajian. Dalam proses menyiapkan kajian ini, kajian kepustakaan sangat berguna dalam konteks mendapatkan maklumat berhubung kajian-kajian lepas, teori dan metodologi kajian lapangan. Rujukan dibuat bagi mendapatkan garis panduan, pengertian, fakta, dan kefahaman bagi setiap istilah yang diperlukan. Rujukan kajian lepas yang mempunyai hubungan dengan dialektologi juga dibuat sebagai panduan kepada pengkaji khususnya yang berkaitan dengan negeri Kelantan.

Menurut (Mohd Sheffie Abu Bakar, 1995: 41) kajian kepustakaan ialah kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Terdapat dua bentuk dokumen iaitu dokumen primer dan dokumen sekunder. Tujuan utama kajian kepustakaan adalah bagi mendapatkan maklumat awal yang berkaitan dengan kajian yang ingin dilakukan sebelum pengkaji melakukan kajian di lapangan. Sesebuah kajian yang

baik memerlukan penelitian yang mendalam bagi mendapatkan gambaran awal mengenali rupa bangsa dan organisasi sosial, kawasan kajian, permasalahan yang timbul dalam sesebuah kajian, objektif kajian, dan penyelesaian yang akan diambil.

Kajian lapangan terbahagi kepada dua bahagian iaitu kajian lapangan huluan dan kajian lapangan hiliran. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini bersifat huluan iaitu kajian ini dilakukan di kawasan-kawasan kampung atau pedalaman. Kajian lapangan atau kajian luar dalam pengertian umum merujuk kepada apa sahaja penyelidikan yang dilakukan oleh seseorang di luar kongkongan fizikal, tempat, atau ruang seperti di luar bilik, di luar pejabat, di luar kampus, di luar negeri, dan sebagainya. Menurut Asmah Hj Omar (2008), kajian lapangan memerlukan kriteria-kriteria penting bagi mendapatkan maklumat dan data yang baik seperti cara merakam, pengumpulan data dan mengumpul kata.

Teknik yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual. Seramai tiga orang Asli telah dipilih bagi membantu pengkaji sebagai informan. Tiga orang informan tersebut terdiri daripada seorang tok batin dan dua orang penduduk kampung yang kesemuanya adalah informan lelaki. Kajian ini telah mengaplikasikan syarat pemilihan informan melalui kaedah yang digunakan oleh Chambers dan Trudgill (1990). Kriteria pemilihan informan adalah menggunakan pendekatan NORMs, yang membawa akronim bagi '*Non-Mobile*', '*Old*', '*Rural*', dan '*Male*'.

Keadaan ini berbeza pula dengan informan yang digunakan oleh Ajid Che Kob (1985) terhadap kajian dialek beliau di daerah Pasir Mas. Menurut beliau, informan perempuan lebih baik berbanding informan lelaki kerana informan perempuan lebih '*Non-Mobile*' berbanding informan lelaki. Oleh itu, dalam hal ini pengkaji telah memilih informan lelaki semasa melakukan rakaman data. Hal ini kerana, informan lelaki lebih mudah mengujarkan bahasa mereka semasa rakaman dilakukan berbanding dengan informan perempuan. Pemilihan informan lelaki adalah yang memiliki umur 50 tahun ke atas, lahir dan menetap di kawasan kampung tersebut serta tidak memiliki kecacatan pada anggota mulut.

Pemaparan Penemuan

Menurut Gerard Diffloth (2001), dialek-dialek tulen mungkin merupakan penutur sejati pelbagai etnik masyarakat seperti kaum Temiar, Che Wong, Jahai, Kentak, dan Semai yang terdapat di seluruh Malaysia². Kepelbagaian bahasa orang asli di hulu Sungai Kelantan dan percampuran orang Kelantan dan orang Siam di hilir Sungai Kelantan telah menjadikan bahasa dan dialek di negeri Kelantan mempunyai kerencamannya yang unik.

Fonem Konsonan Bahasa Temiar

Perbincangan yang akan dilakukan di sini akan menyentuh berkaitan penghuraian penyebaran konsonan dan vokal serta proses peminjaman dialek Kelantan ke dalam Bahasa Temiar. Penyebaran yang berlaku meliputi tiga aspek kedudukan dalam kata iaitu pada kedudukan awal, tengah dan akhir kata. Menurut Abdul Hamid Mahmod (1998) vokal ialah bunyi-bunyi bersuara yang tatkala dihasilkan udara dari paru-paru keluar berterusan melalui rongga tekak dan rongga mulut tanpa sebarang gangguan atau sekatan. Bunyi vokal mempunyai ciri-ciri kelantangan dan kepanjangan. Manakala Nor Hashimah (2015) menjelaskan bunyi-bunyi vokal dihasilkan tanpa berlakunya peyempitan di antara titik artikulasi dengan artikulator. Pembahagian data dipecahkan kepada dua jenis iaitu leksikal binatang dan kata nama.

²Ucapan beliau semasa Kolokium Antarabangsa Kajian Umum Sumbangan Sarjana Perancis Dalam Pengajian Melayu di Sudut Wacana, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Leksikal Binatang Dalam Bahasa Temiar

Bil	Bahasa Melayu	Bahasa Temiar	IPA
1	Kerbau	Kerbou	[kɛrbow]
2	Kucing	Kucik	[kuci]
3	Buaya	Buhyak	[buhjaʔ]
4	Kambing	Kambeng	[kambəŋ]
5	Lembu	Lembu	[ləmbu]
6	Zirafah	Zirafah	[ziʔapah]
7	Ayam	Hayam	[hajam]
8	Angsa	Aso	[asə]
9	Cicak	Chicok	[chicəʔ]
10	Kuda	Kudo	[kudə]
11	Itik	Etik	[etiʔ]
12	Belalang	Belale	[bələlə]
13	Rusa	Ruso	[rusə]
14	Siamang	Amang	[aməŋ]
15	Kancil	Kance	[kance]
16	Katak	Katak	[kataʔ]
17	Udang	Ude	[ude]
18	Belut	Belud	[bələd]
29	Tenuk	Tenuk	[tənuʔ]

Leksikal Kata Kerja Dalam Bahasa Temiar

Bil	Bahasa Melayu	Bahasa Temiar	IPA
1	Gaduh	Bebaloh	[bəbaləh]
2	Kayuh	Kayoh	[kajəh]
3	Ketuk	Ketok	[kətəʔ]
4	Sandang	Sanang	[sanəŋ]
5	Tutup	Tudong	[tudəŋ]
6	Kayuh	Kayoh	[kajəh]
7	Atur	Ato	[atə]
8	Ayak	Ayak	[ajaʔ]
9	Gelak	Glek	[gləʔ]
10	Tutup	Tudong	[tudəŋ]
11	Angkut	Angkok	[əŋkəʔ]
12	Bantu	Tulong	[tuləŋ]
13	Ketuk	Ketok	[kətəʔ]

Leksikal Kata Nama Dalam Bahasa Temiar

Bil	Bahasa Melayu	Bahasa Temiar	IPA
1	Asam	Asam	[asam]
2	Cuaca	Cuwaco	[cu ^w aco]
3	Bilik	Bilek	[biləʔ]
4	Beras	Berah	[bəʔah]
5	Batu	Batu	[batu]
6	Batang	Batang	[batəŋ]
7	Bawang	Bawang	[bawəŋ]
8	Rakit	Rakit	[rakət]
9	Baja	Baje	[badʒə]
10	Baju	Baju	[badʒu]

11	Bakul	Bakol	[bakɔl]
12	Balak	Balok	[balɔʔ]
13	Baldi	Baldi	[balɔdi]
14	Bandar	Banda	[banda]
15	Bangsa	Bangsak	[baŋsaʔ]
16	Air Gula	Ok gule	[ɔʔ gulə]
17	Akal	Aka	[aka]
18	Alat	Alak	[alaʔ]
19	Perahu	Perahuk	[pəʔahuʔ]
20	Pintu	Pintuk	[pintuʔ]
21	Piring	Pireng	[piʔiŋ]
22	Pucuk	Pucok	[puɔʔ]
23	Rakit	Raket	[rakəʔ]
24	Ranting	Ranteng	[rantəŋ]
25	Reban	Reban	[rəban]
26	Pagar	Paga	[paga]
27	Ombak	Umbak	[umbaʔ]
28	Paya	Payak	[pajaʔ]
29	Pelita	Plite	[plita]
30	Ranting	Ranteng	[ratəŋ]
31	Reban	Reban	[rəban]
32	Kelapa	Nyo	[nɔ]
33	Keranda	Kegande	[kəʔandə]
34	Kertas	Ketah	[kətah]
35	Ketua	Ketuwe	[kətuwə]
36	Kubur	Kubo	[kubɔ]
37	Kuala	Kuwale	[kuwalə]
38	Nyala	Nyalak	[nalaʔ]
39	Pagar	Pagar	[pagar]
40	Ombak	Umbak	[umbaʔ]
41	Padang	Padang	[padəŋ]
42	Paya	Payak	[pajaʔ]
43	Pelita	Plite	[plitə]
44	Pembunuh	Pemunoh	[pəmunoɦ]
45	Perahu	Perahuk	[pəʔahuʔ]
46	Pintu	Pintuk	[pintuʔ]
47	Piring	Pireng	[piʔəŋ]
48	Kain	Kayen	[kajən]
49	Padang	Padang	[padəŋ]
50	Keranda	Keghande	[kəʔandə]
51	Kertas	Ketah	[kətah]
52	Ketua	Ketuwe	[kətuwə]
53	Kubur	Kubo	[kubɔ]
54	Kuala	Kuwale	[kuwalə]
55	Benih	Menih	[məniɦ]
56	Bahasa	Bahase	[bahasə]
57	Gula	Gule	[gulə]
58	Halia	Haliye	[haliyə]
59	Kain	Kayen	[kajən]

Daerah Sebutan Cara Sebutan	Dua Bibir	Gigi-Gusi	Gusi-Lelangit Keras	Lelangit Keras	Lelangit Lembut	Anak Tekak	Pita Suara
Hentian	p b	t d			k g		ʔ
Nasal	m	n		ɲ	ŋ		
Frikatif		s z					h
Lateral		l					
Afrikat				tʃ dʒ			
Separuh Vokal	w		j				

Jadual 1: Sistem Konsonan Bahasa Temiar

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2015), letupan atau boleh juga didefinisikan sebagai plosif yang hadir dalam banya bahasa. Cara menghasilkan letupan adalah dengan melepaskan udara yang disekat serta-merta. Udara dari paru-paru akan disekat di salah satu titik artikulasi sama ada di bibir, gigi-gusi dan sebagainya oleh artikulator kemudian dilepaskan sehingga terdengar bunyi ‘pop’. Contohnya [p, b, t, d, t̚, d̚, c, k, g, ʔ]. Bunyi konsonan hentian yang terdapat dalam bahasa Temiar ialah konsonan hentian dua bibir [p] dan [b], hentian gigi-gusi [t] dan [d], hentian lelangit lembut [k] dan [g], dan hentian pita suara [ʔ].

Terdapat dua bunyi hentian dua bibir iaitu [p] dan [b] dalam bahasa Temiar. Bunyi dua bibir tak bersuara [p] dan hentian dua bibir bersuara [b] hadir pada posisi awal, dan tengah kata sahaja. Contohnya:

Awal Kata:	BT	BMS
	[pajaʔ]	paya
	[pucəʔ]	pucuk
	[buhjaʔ]	buaya
Tengah Kata:	[bəlale]	belalang
	[ziɾapah]	zirafah
	[kerbow]	kerbau
	[kambəŋ]	kambing

Terdapat dua bunyi hentian gigi-gusi iaitu [t] dan [d]. Konsonan tidak bersuara [t] menunjukkan kehadiran pada kedudukan awal dan tengah kata manakala konsonan bersuara [d] hadir dalam semua posisi iaitu pada tengah kata sahaja. Contohnya:

Awal Kata:	BT	BMS
	[tənuʔ]	tenuk
Tengah Kata:	[tudəŋ]	tudung
	[etiʔ]	itik
	[kataʔ]	katak
	[kudə]	kuda
	[banda]	bandar

Terdapat dua bunyi hentian lelangit lembut iaitu hentian lelangit lembut bersuara [k] dan hentian lelangit lembut tak bersuara [g] yang hadir pada posisi awal dan tengah kata. Contohnya:

	BT	BMS
Awal Kata:	[kerbow]	kerbau
	[kuciʔ]	kucing
	[gləʔ]	gelak
Tengah Kata:	[rakət]	rakit
	[bakəl]	bakul
	[paɡa]	pagar

Dalam BT, terdapat bunyi hentian pita suara [ʔ] yang hadir pada posisi akhir kata sahaja. Contohnya ialah:

	BT	BMS
Akhir Kata:	[kuciʔ]	kucing
	[buhjaʔ]	buaya

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2015), sengau atau nasal dikategorikan di bawah bunyi-bunyi letupan. Yang berbezanya ialah bunyi bunyi sengau dihasilkan dengan menurunkan velum agar udara dapat melalui rongga hidung dan rongga mulut. Udara yang melalui rongga mulut akan disekat di titik-titik artikulasi yang tertentu dengan artikulator. Contohnya /m, ŋ, n, ɲ, ɲ, N/. Dalam MB terdapat empat konsonan nasal iaitu nasal dua bibir [m], nasal gigi gusi [n], nasal lelangit keras [ŋ] dan nasal lelangit lembut [ɲ]. Bunyi nasal dua bibir [m] dan bunyi nasal gigi-gusi [n] hadir pada posisi awal, dan tengah. Contohnya:

	BT	BMS
Awal Kata:	[məniɦ]	benih
Tengah Kata:	[kambəŋ]	kambing
	[ləmbu]	lembu
	[kance]	kancil
	[tənuʔ]	tenuk
Akhir Kata:	[hajam]	ayam
	[asam]	asam
	[rəban]	reban

Bunyi nasal lelangit keras [ŋ] hanya hadir pada posisi awal sahaja. Contohnya:

	BT	BMS
Awal Kata:	[ŋə]	kelapa
	[ŋalaʔ]	nyala

Bunyi nasal lelangit keras [ŋ] hadir pada posisi tengah dan akhir kata. Contohnya:

BT	BMS
----	-----

Tengah Kata:	[aŋkɔʔ]	angkat
	[baŋsaʔ]	bangsa
Akhir Kata:	[amaŋ]	siamang
	[tudɔŋ]	tudung

Bunyi konsonan frikatif gigi-gusi bersuara [s] hadir pada posisi awal, dan tengah kata. Manakala frikatif gigi-gusi tak bersuara [z] hadir pada posisi awal kata sahaja. Contohnya:

	BT	BMS
Awak Kata:	[sanaŋ]	sandang
	[ziʔapah]	zirafah
Tengah Kata:	[asɔ]	angsa
	[ʔusɔ]	rusa

Bunyi konsonan frikatif pita suara [h] hadir pada posisi tengah dan akhir kata. Contohnya:

	BT	BMS
Awak Kata:	[hajam]	ayam
Tengah Kata:	[buhjaʔ]	buaya
	[pəʔahuk]	perahu
Akhir Kata:	[kajɔh]	kayuh
	[bəbɔlɔh]	gaduh

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2015), lateral atau sisian boleh dibahagikan kepada dua, iaitu sisian bergeser dan sisian tidak bergeser. Bunyi sisian dihasilkan dengan menaikkan hujung lidah kea rah bahagian belakang gigi dan udara akan keluar melalui sisi lidah. Udara yang keluar akan digeserkan di pita suara bagi menghasilkan bunyi geseran. Contoh bunyi sisian bergeser ialah /t, lʒ/. Manakala bagi sisian tak bergeser pula, udara yang melepasi pita suara akan keluar tanpa menyentuh pita suara dan bunyi tak bersuara yang akan dihasilkan. Cara sisian tak bergeser dihasilkan adalah sama dengan sisian bergeser, iaitu dengan menaikkan hujung lidah kea rah bahagian belakang gigi dan udara akan keluar melalui sisi lidah. Contohnya ialah bunyi /l, ʃ, ʎ/. Bunyi konsonan lateral gigi-gusi [l] terdapat pada posisi awal dan tengah kata. Contohnya:

	BT	BMS
Awal Kata:	[ləmbu]	lembu
Tengah Kata:	[bəlalɛ]	belalang
	[bəluʔ]	belut

Bunyi frikatif langit keras bersuara hadir [tʃ] hadir pada posisi awal kata sahaja. Contohnya:

	BT	BMS
Awal Kata:	[tʃhitʃɔʔ]	cicak
Tengah Kata:	[kutʃiʔ]	kucing
	[kantʃɛ]	kancil

Konsonan afrikat lelangit keras [dʒ] hadir pada posisi awal dan tengah kata. Contohnya:

	BT	BMS
Tengah Kata:	[badʒə]	banjir
	[badʒu]	baju

Bahasa Temiar (BT) mempunyai dua bunyi separuh vokal iaitu konsonan separuh vokal dua bibir /w/ dan separuh vokal lelangit keras /j/. Bunyi konsonan separuh vokal [w] dan [j] hadir pada semua posisi dalam kata iaitu pada posisi awal, tengah, dan akhir kata. Contohnya:

	BT	BMS
Tengah Kata:	[bawəŋ]	bawang
	[buhjaʔ]	buaya
	[həjam]	ayam
Akhir Kata:	[kerbow]	kerbau

Hasil daripada analisis menunjukkan, bahasa Temiar mempunyai 18 konsonan yang menempati pada ketiga-tiga kedudukan dalam kata iaitu pada kedudukan awal, tengah, dan akhir kata. Kewujudan konsonan-konsonan ini secara keseluruhannya mempunyai persamaan dengan dialek Kelantan, namun begitu terdapat juga kewujudan kedudukan konsonan dalam kata yang berbeza dengan dialek Kelantan. Hal ini demikian kerana, dialek Kelantan yang digunakan di dalam bahasa Temiar telah mengalami penyerapan dan penyesuaian sebutan dengan bahasa Temiar. Oleh itu, pengaruh bahasa Temiar sedikit sebanyak telah menjadikan sebutan dialek Kelantan menghampiri sebutan bahasa Temiar.

Keadaan ini dapat dilihat pada data yang dihuraikan seperti pada [həjam] dalam bahasa Temiar yang membawa maksud “ayam” di dalam bahasa Melayu standard. Di dalam dialek Kelantan, perkataan “ayam” di sebut sebagai [aʔe]. Berlaku penyesuaian sebutan terhadap sebutan “ayam” di dalam bahasa Temiar dengan menggunakan cara sebutan atau kaedah sebutan orang Temiar menjadi [həjam] yang bermaksud “ayam” telah berlaku pertambahan konsonan pita suara [h] dan nasal dua bibir [m] di akhir kata manakala kewujudan vokal rendah depan [a] di tengah kata. Secara keseluruhannya, kata-kata pinjaman yang berlaku di dalam bahasa Temiar hanya diserap melibatkan kata yang tidak dimiliki di dalam bahasa Temiar iaitu meliputi buah-buahan, teknologi, dan sebagainya.

Kesimpulan

Hasil kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa berlaku peminjaman dan penyerapan dialek Kelantan ke dalam bahasa Temiar yang meliputi aspek teknologi, pakaian, dan tumbuhan, kata nama. Keadaan yang menyebabkan berlakunya proses peminjaman daripada dialek Kelantan ke bahasa Temiar adalah kerana kurangnya perkataan-perkataan dalam bahasa Temiar yang berkaitan dengan perkara teknologi, perubatan, makanan, tumbuhan, dan pakaian. Oleh itu, proses peminjaman telah berlaku daripada dialek Kelantan ke dalam bahasa Temiar yang memudahkan proses komunikasi bagi mereka antara (Orang Temiar dengan Temiar) dan Orang Temiar dengan Orang Kelantan. Selain itu, peminjaman berlaku daripada dialek Kelantan kerana masyarakat orang Asli Temiar dan orang Melayu Kelantan hidup dalam satu kelompok masyarakat yang rapat. Keadaan ini akan menyebabkan berlakunya proses peminjaman baik dari aspek bahasa, budaya, agama, dan sebagainya. Keadaan geografinya yang berada dalam

daerah yang sama iaitu daerah Gua Musang turut menjadi faktor penyumbang kepada keadaan tersebut.

Keadaan ini turut berlaku kerana telah berlakunya perkahwinan campur antara Orang Temiar dengan Orang Kelantan dan sebaliknya dengan Orang Kelantan dengan Orang Temiar. Dengan berlakunya perkahwinan campur antara kedua-dua masyarakat orang Asli Temiar dan Orang Kelantan ini telah menjadikan bahasa dalam turut mengalami perkahwinan (percampuran). Hal ini juga menunjukkan bahawa, masyarakat Orang Kelantan di Gua Musang telah boleh menerima mereka dalam hubungan kekeluargaan bukan sahaja dalam pergaulan seharian.

Kajian bahasa orang Asli masih kurang di beri perhatian oleh pengkaji-pengkaji bahasa. Mereka lebih cenderung untuk melakukan kajian terhadap bidang dialektologi dan sosiolinguistik. Kejayaan rintisan kajian ini dapat membuka dan mendalamkan lembaran kajian terhadap bahasa Temiar. Melalui kajian yang dilakukan ini, pengkaji dapat merekod dan mendokumentasikan bahasa orang asli Temiar daripada pupus ditelan arus kemodenan. Keadaan ini kerana, generasi muda hari ini telah banyak meninggalkan bahasa ibundanya sendiri seperti bahasa Temiar akibat daripada faktor ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Pengaruh daripada bahasa Melayu standard sedikit sebanyak akan menjadikan bahasa ibunda iaitu bahasa Temiar akan semakin terhakis keaslian dan kekuatan dalam mempertahankan bahasa mereka. Keadaan ini turut disokong oleh Fazal dan Nurulafiqah (2012), yang telah menjelaskan bahawa kealpaan terhadap khazanah bahasa akan menyebabkan berlaku kepupusan seperti yang berlaku terhadap bahasa daripada rumpun Austroasiatik di Malaysia. Apatah lagi golongan orang Asli Temiar yang menjadi golongan minoriti di Malaysia. Oleh itu, kajian terhadap bahasa orang Asli wajar diteruskan dan diperluaskan bagi menjadikan bahasa orang Asli terus kekal tidak ditelan zaman.

Rujukan

- Abdul Razak Mahmud. 2015. *Ikhtisar Sejarah Kelantan*. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Adi Yasran Abdul Aziz. 2005. *Aspek Fonologi Dialek Kelantan: Satu Analisis Teori Optimaliti*. Tesis Doktor Falsafah, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ajid Che Kob. 1985. *Dialek geografi Pasir Mas*. Monograf 3, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Hj. Omar. 2015. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayatrohaedi. 1979. *Dialektologi Sebuah Pengantar*. Pusat Pembinaan Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Jakarta.
- Collins, J. T. 1983. *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins J. T. 1999. *Wibawa Bahasa: Kepiawaiian dan Kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid M. Onn & Ajid Che Kob. 1993. *Simposium Dialek Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. 1996. *Field Work: Satu Pencarian dan Pengalaman*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- J. K Chambers & Peter Trudgill. 1990. *Dialektologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sharifudin Yusop & Nur Faaizah Md Adam. *Sari Budaya dan Bahasa Orang Asli Jahut*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- _____. 1997. *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saussure, Ferdinand de. 1988. *Pengantar Linguistik Umum*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Verhaar, J. W. M. 1981. *Pengantar Linguistik*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- William J. Samarin. 1993. *Linguistik Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.